

CNS0424

R PB 08-11 00203 BH093

aab

MAHATHIR KUKUH KEDUDUKAN MELAYU MENERUSI WAWASAN 2020  
IJMNO - Usul

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya meletakkan bangsa Melayu pada landasan yang paling kukuh menerusi Wawasan 2020, yang mencabar meteka untuk sama-sama maju dengan bangsa lain.

Wakil Badan Perhubungan UMNO negeri Johor, Encik Mohamad Haji Aziz berkata keupayaan Perdana Menteri bukan sahaja disanjung di Malaysia tetapi juga begitu menyerlah di arena antarabangsa dan menerima pujian pemimpin dunia.

+Inilah pertama kali dalam sejarah tamadun Melayu seorang Melayu diiktiraf dunia dan ditunggu-tunggu ucapannya di forum-forum antarabangsa, +katanya ketika berucap menyokong usul terima kasih terhadap ucapan dasar Presiden UMNO semasa merasmikan Ferhimpunan Agung di sini, hari ini.

Usul itu dibentangkan oleh wakil Pergerakan Wanita UMNO, Puan Khatijah Mohamad Som.

Mengenai Wawasan 2020, beliau berkata IJMNO perlu mewujudkan sebuah jawatankuasa tertinggi untuk memastikan semua matlamatnya dapat dicapai serta mewujudkan satu masyarakat Melayu yang mampu berusaha untuk maju.

Beliau juga menyentuh beberapa perkara melibatkan menteri-menteri Kabinet lain termasuk meminta Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi memastikan kementerian itu tidak membuat keputusan yang bercanggah dengan pendirian Kerajaan Negeri Johor mengenai tuntutan Singapura terhadap Pulau Batu Putih. -- Lagi

♥08/11/17-55MST

CNS04.26

R PB 08-11 00165 BH094

aab

UMNO - Usul 2 Kuala Lumpur

Katanya, pulau itu merupakan hak rnutlak negeri Johor dan dengan itu tidak timbul masalah sama ada Singapura boleh menuntutnya kerana bukti sejarah dengan jelas menunjukkan pemilik pulau itu.

Beliau juga meminta agar jawatankuasa menteri atau sekurang-kurangnya Timbalan Menteri Pendidikan diberikan kepada UMNO bagi memastikan wujud pertalian antara kementerian itu dengan anggota-anggota parti.

Ketika membentangkan usul itu, Puan Khatijah Ferka'ta UMNO perlu berusaha menentukan golongan bumiputera menjadi pemilik mutakhir kejayaan program Wawasan 2020 dan bukannya bangsa asing.

Katanya, langkah itu perlu diambil kerana masih ada gejala negatif dalam diri golongan bumiputera sencliri yang boleh menyebabkan matlamat program itu tidak dapat dicapai seperti tidak sabar untuk menunggu keuntungan dan sukamengambil jalan mudah dengan menggadai keistimewaan yang di berikan kepada mereka.

+Sepatutnya sekarang sudah tidak ada had lagi bagi menentukan kuota ekuiti bumiputera kerana masakini adalah zaman Wawasan 2020 dan bukannya kuota 30 peratus, + kata beliau.

Beliau berkata, usul itu dikemukakan kerana anggota IJMNO mengakui bahawa di bawah kepimpinan Dr Mahathir, Malaysia banyak mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang serta mampu melahirkan satu bangsa yang bermartabat dan disegani.

Di samping itu, Puan Khatijah menyeru agar semua bentuk penyelewengan dalam parti dan kerajaan dibanteras sebagai usaha mengekalkan kestabilan dan keyakinan rakyat terhadap parti dan kerajaan. -- Bernama

♥08/11/17-58MST